

Kerajaan tak biar rakyat terbeban

BH
- 3/7/2022
m/s: 2

Pelbagai usaha dirangka termasuk beri subsidi lebih RM70b tahun ini

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak berpeluk tubuh dalam menanganis isu kos sara hidup, sebaliknya mengambil pelbagai langkah jangka pendek, sederhana dan panjang untuk membantu rakyat mendepani cabaran itu, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, ia termasuk pemberian subsidi lebih RM70 bilion tahun ini, termasuk hampir RM28 bilion bagi petrol bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengan situasi yang dihadapi dunia ketika ini.

"Saya tidak berapa suka perkara ini (pemberian subsidi) tetapi kita tiada pilihan, sampai RM700 juta dibelanjakan untuk subsidi ayam sahaja. Subsidi sepatutnya dimanfaatkan golongan miskin yang terdiri dari-

pada rakyat kita.

"Namun, pekerja Bangladesh, etnik Rohingya, tauke besar dan restoran besar serta antarabangsa turut menikmati apabila membeli ayam bersubsidi.

"Bagi menyekat kenaikan harga, kita tetap memberi subsidi. Baru-baru ini, kita tetapkan harga siling ayam RM9.40 sekilogram. Jika kita mengapungkan terus, harga mungkin akan meningkat hingga RM12 sekilogram dan rakyat takkan boleh menerima kenaikan mendadak ini," katanya berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC) 2022 kali ke-42 di sini, semalam.

Perdana Menteri menjelaskan kadar inflasi negara juga masih rendah iaitu sekitar 2 peratus berbanding negara lain seperti Amerika Syarikat (9 peratus), negara-negara Eropah (8 hingga 10 peratus) dan United Kingdom (12 peratus).

"Inflasi (Malaysia) rendah kerana kita (kerajaan) beri subsidi untuk pastikan harga (barang) tidak naik... kalau tak ada subsidi, inflasi kita naik mungkin sampai 8 hingga 11 peratus.

"Mengenai kos sara hidup, saya nak terangkan, ia bukan berlaku di Malaysia sahaja tetapi di seluruh dunia kerana Malaysia bukan dalam planet lain, kita saling



Ismail Sabri berucap merasmikan Persidangan Perwakilan MTUC di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

berhubung. Peningkatan harga turut didorong faktor pandemik COVID-19, ditambah lagi dengan banjir besar (tahun lalu). Keadaan diburukkan lagi dengan peperangan antara Russia dengan Ukraine," katanya.

Ismail Sabri juga mahu penguatkuasaan ditingkatkan bagi menangani penyelewengan dan penyeludupan yang menyebabkan bekalan minyak masak bersubsidi tidak mencukupi untuk

menampung kegunaan rakyat.

Sambil menjelaskan kerajaan masih meneruskan subsidi minyak masak bagi paket satu kilogram, Perdana Menteri menegaskan, ia adalah bagi kegunaan isi rumah dan bukan untuk restoran.

Justeru, beliau berkata, bekalan minyak masak bersubsidi sebanyak 60,000 tan sebulan sepatutnya mencukupi kerana rakyat Malaysia hanya menggunakan

55,000 tan, bermakna masih ada lebihan 5,000 tan.

"Oleh itu, saya sudah meminta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menggerakkan penguat kuasa. Ini mungkin boleh mengurangkan penyelewengan barangan bersubsidi. Jika tidak, kita membayar subsidi mahal tetapi sebahagiannya menguntungkan penyeludup, bukannya rakyat," katanya.

GLC, GLIC perlu lantik wakil MTUC dalam syarikat

Kuala Lumpur: Semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) perlu melantik wakil Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sebagai Ahli Lembaga Pengarah mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata langkah itu sebagai usaha menambah nilai ketelusan, selain membolehkan suara pekerja diambil kira dalam semua keputusan yang dibuat oleh lembaga pengarah GLC dan GLIC.

"Menjadi harapan kerajaan wakil pekerja tu-

rut memainkan peranan dalam urusan pentadbiran. Golongan pekerja seharusnya sama-sama menjaga kestabilan, perpaduan dan hubungan industri bukan hanya dalam kalangan pekerja tetapi juga kerajaan dan majikan bagi kejayaan pembangunan negara," katanya.

Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan geran tahunan RM4 juta kepada MTUC untuk melaksanakan program kesedaran dan latihan ahlinya, melalui pelan pendidikan yang holistik, efektif dan komprehensif.